

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1991/92**

**Oktober/November 1991**

**IOK 202/3 - Metrologi**

**Masa: [3 jam]**

---

**Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi  
SEPULUH mukasurat yang bercetak (termasuk Lampiran) sebelum  
anda memulakan pemeriksaan ini.**

**Jawab 5(LIMA) soalan. Semua soalan mesti dijawab di dalam  
Bahasa Malaysia.**

1. (a) Takrifkan "Traceability" yang dimaksudkan di dalam piawai ukuran.

[15 markah]

- (b) Apakah hubungan di antara kejituhan dan kepekaan bagi suatu alatan pengukur dan kejituhan dan kepersisan (precision) bagi sesuatu ukuran.

[40 markah]

- (c) Satu tolok pin diguna untuk mengukur jara (bore) satu silinder. Bacaan pada tolok pin ialah 400.05 mm dan jumlah lebar buai (swing width) ialah 50 mm. Jika ralat yang terbentuk di dalam mengukur buai ialah  $\pm 1.00$  mm, apakah ralat pada tolok pin?

Ralat kompaun di dalam ukuran garispusat ialah  $\pm 0.055$  mm.

[45 markah]

2. (a) Apakah piawai panjang gelombang dan kenapakah ianya diterima sebagai piawai semesta (universal standard) bagi panjang.

[20 markah]

2. (b) Terangkan dengan bantuan satu gambarajah, prinsip kerja pembanding sigma. Tunjukkan bagaimana pembesaran diperolehi di dalam pembanding ini.

[45 markah]

- (c) Sudut runcing bagi bahagian logam ekor merpati (dovetailed) seperti di Rajah 1 perlu ditentukan. Jika terdapat satu set roller tertentukur (calibrated roller set) dan satu set bongkah-bongkah tolak, bagaimanakah cara untuk menentukan sudut runcing?

Dapatkan ungkapan bagi sudut  $\alpha$  di dalam sebutan jejari roller dan panjang tolok-tolok gelincir (slip gauges) yang digunakan.

[35 markah]

3. (a) Apakah keping optik (optical flat)?

Terangkan dengan bantuan gambarajah prinsip penggunaan keping optik apabila ia diletakkan di atas permukaan rata boleh pantul (reflective) dengan satu hujung diasingkan dari permukaan.

[45 markah]

3. (b) Tinggi satu bongkah yang tak diketahui (U) perlu ditentukan dengan membandingkan kepada spesimen piawai (S) dengan ketinggian 100 mm dengan kaedah interferometri. Rajah 2 menunjukkan corak gangguan kedua-dua bongkah S dan U yang terbentuk menggunakan cahaya merah cadmium yang mempunyai panjang gelombang 0.64485037 mikron. Tentukan tinggi 4 penjuru bongkah tak diketahui, U.

[55 markah]

4. (a) Apakah poligon persis?

Terangkan bagaimanakah poligon persis boleh digunakan untuk menentukan skala terbahagi bulat (circular divided scale)?

[45 markah]

(b) Satu poligon persis lapan tepi, ABCDEFGHA, perlu ditentukan dengan menggunakan dua autokolimator.  $T_1$  dan  $T_2$  disetkan pada muka bersebelahan pada poligon.  $T_1$  pada bahagian kiri  $T_2$  dan bacaan kedua-dua autokolimator bertambah apabila poligon berputar ikut-jam. Bacaan-bacaan berikut diambil.

## 4. (b) Muka-muka poligon

Bacaan-bacaan (saat)

		T <sub>1</sub>	T <sub>2</sub>
AB	BC	19.2	12.5
BC	CD	20.1	14.7
CD	DE	21.5	19.2
DE	EF	23.7	18.5
EF	FG	22.4	16.0
FG	GH	22.0	16.8
GH	HA	21.6	15.4
HA	AB	20.8	17.2

Tentukan ralat di dalam sudut di antara tiap-tiap pasangan muka-muka poligon yang bersebelahan.

[55 markah]

## 5. (a) Takrifkan 'toleransi' dan 'padanan (fits)' bahagian-bahagian.

Dengan bantuan gambarajah-gambarajah, tunjukkan berbagai-bagai padanan yang mungkin.

[35 markah]

(b) Tentukan dimensi sebenar yang perlu disediakan bagi aci (shaft) dan lubang bersaiz 90 mm bagi jenis H<sub>8</sub> e<sub>9</sub> geges kelegaan (clearance fit).

Nilai toleransi bagi gred-gred IT8 dan IT9 adalah 25i dan 40i mengikut tertib.

Nilai bagi penyisihan asasi (fundamental deviation) bagi aci jenis 'e' adalah -11D<sup>0.41</sup>.

Lakarkan toleransi-toleransi pada lubang dan aci.

(50 markah)

5. (c) Tunjukkan bagaimana tolok kedalaman lubang (hole depth gauge) boleh digunakan sebagai tolok had.

[15 markah]

6. (a) Namakan berbagai-bagai kaedah mengukur kekasaran permukaan dan peranti-perantinya.

[15 markah]

Apakah prinsip penggunaan mikroskop gangguan (interference microscope).

[15 markah]

- (b) Apakah sifat-sifat penting yang diperlukan pada alat-alat pengukur permukaan.

[20 markah]

- (c) Rajah 3 menunjukkan susuk/profil yang diperolehi pada mesin pengukur kebulatan yang mempunyai pembesaran sebanyak 400. Dengan menggunakan titik rujukan pada susuk (profile), cari pusat segiempatsama terkecil (least square centre (LSC) bagi susuk tersebut. Apakah ralat kebulatan maksimum?

[50 markah]

7. (a) Kenapakah susuk/profil involut selalu digunakan bagi rusuk gigi gear taji (spur gear teeth)?

[15 markah]

- (b) Terangkan dengan bantuan lakaran, satu kaedah untuk memeriksa susuk involut satu gigi gear taji.

[35 markah]

- (c) Satu gear taji mempunyai sudut tekanan  $20^\circ$ , 36 gigi dan modul 4 mm. Kira

(i) Saiz palam (plug or roller) yang digunakan di dalam ukuran.

(ii) Jarak ke atas palam pada ruang bertentangan.

(iii) Jarak ke atas palam yang diasingkan sebanyak 12 ruang gigi.

[50 markah]

8. (a) Apakah jenis-jenis ralat pic pada komponen-komponen berulir.

[15 markah]

- (b) Terangkan dengan bantuan satu lakaran, cara untuk memeriksa kejituhan pic bagi tolok palam skru.

[35 markah]


8. (c) Adakah dikehendaki untuk mengukur garispusat berkesan tolok skru  $32 \times 3.5$  mm. Dengan tujuan ini, bacaan-bacaan (nilai-nilai purata) berikut diambil.

- (i) Bacaan mikrometer ke atas silinder piawai 30.500 mm dan dawai-dawai bergarispusat 2.000 mm ialah 13.3768 mm.
- (ii) Bacaan mikrometer ke atas tolok dan dawai-dawai ialah 12.2428 mm.


Hitungkan garispusat berkesan mudah (simple effective diameter) dengan mengambil kira pembetulan mampatan (compression correction) dan sadak (rake), anggapkan daya ukuran adalah sebanyak 2.5 newton.

[50 markah]


oooooooooooo



Rajah 1




Rajah 2



Rajah 3

139



Rajah 3